



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index
(Jan 2010=100)

SEPTEMBER 2018
September 2018




**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TAJUK UTAMA: INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT 0.4 PERATUS
TAHUN-KE-TAHUN PADA BULAN SEPTEMBER 2018**

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan September 2018 meningkat 0.4 peratus tahun-ke-tahun berbanding dengan bulan September 2017. Harga Makanan dan Minuman Ringan, dan Bukan Makanan masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 1.6 peratus dan 0.4 peratus tahun-ke-tahun.
2. Peningkatan IHP terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga dan kos bagi Pendidikan (1.7 peratus); Makanan dan Minuman Ringan (1.6 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (1.2 peratus). Walau bagaimanapun, peningkatan IHP ini diimbangi oleh penurunan harga dan kos Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (0.8 peratus); Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain (0.6 peratus); serta Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.5 peratus).
3. Kos Pendidikan meningkat disebabkan oleh peningkatan kadar yuran sekolah rendah dan menengah swasta yang terpilih. Manakala, peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah mengambil kira peningkatan harga ikan dan makanan laut, minuman ringan dan daging. Harga Rekreasi dan Kebudayaan pula meningkat disebabkan oleh peningkatan harga pakej percutian/haji dan umrah.
4. Bagi perubahan bulan-ke-bulan, IHP meningkat 0.3 peratus berbanding dengan bulan Ogos 2018. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.4 peratus, manakala Indeks Makanan dan Minuman Ringan menurun sebanyak 0.03 peratus.
5. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan September 2018 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE: www.depd.gov.bn.

INDEKS HARGA PENGGUNA (2010 = 100)

Divisyen	Kewajaran (%)	Indeks	Perubahan (%)	
		September 2018	September 2018 / September 2017	September 2018 / Ogos 2018
INDEKS KESELURUHAN	100.0	99.8	0.4	0.3
Makanan dan Minuman Ringan	19.1	101.9	1.6	-0.03
Pakaian dan Kasut	4.2	90.4	-0.2	0.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	11.1	96.2	-0.6	-
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	11.0	94.2	-0.8	-0.3
Kesihatan	1.3	101.8	2.2	0.6
Pengangkutan	18.8	99.5	0.2	1.6
Perhubungan	6.0	100.2	-0.4	0.01
Rekreasi dan Kebudayaan	9.1	101.9	1.2	0.7
Pendidikan	3.9	110.8	1.7	-
Restoran dan Hotel	8.9	103.3	0.4	0.01
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	6.5	100.7	-0.5	-0.6





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**HEADLINE: CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.4 PER CENT
YEAR-ON-YEAR IN SEPTEMBER 2018**

1. *The Consumer Price Index (CPI) in September 2018 increased by 0.4 per cent year-on-year compared to September 2017. Prices of Food and Non-Alcoholic Beverages, and Non-Food increased by 1.6 per cent and 0.4 per cent respectively year-on-year.*
2. *The CPI increase was mainly due to rises in prices and costs of Education (1.7 per cent); Food and Non-Alcoholic Beverages (1.6 per cent); and Recreation and Culture (1.2 per cent). However, this CPI increase was moderated by decreases in prices and costs of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance (0.8 per cent); Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels (0.6 per cent); as well as Miscellaneous Goods and Services (0.5 per cent).*
3. *Costs of Education increased mainly due to the rise in school fees of primary and secondary education in selected private schools. Meanwhile, the increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages is attributed to the increase in prices of fish and seafood, soft drinks and meat. Recreation and Culture prices rose due to higher prices of package holidays/pilgrimages.*
4. *On a month-on-month basis, the CPI increased by 0.3 per cent compared to August 2018. This was due to an increase in the Non-Food Index by 0.4 per cent. Meanwhile, the Food and Non-Alcoholic Beverages Index decreased by 0.03 per cent.*
5. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for September 2018 is available from DEPD's website: www.depd.gov.bn.*

CONSUMER PRICE INDEX (2010 = 100)

Divisions	Weights (%)	Index	Change (%)	
		September 2018	September 2018 / September 2017	September 2018 / August 2018
OVERALL INDEX	100.0	99.8	0.4	0.3
Food and Non-Alcoholic Beverages	19.1	101.9	1.6	-0.03
Clothing and Footwear	4.2	90.4	-0.2	0.3
Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels	11.1	96.2	-0.6	-
Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance	11.0	94.2	-0.8	-0.3
Health	1.3	101.8	2.2	0.6
Transport	18.8	99.5	0.2	1.6
Communication	6.0	100.2	-0.4	0.01
Recreation and Culture	9.1	101.9	1.2	0.7
Education	3.9	110.8	1.7	-
Restaurants and Hotels	8.9	103.3	0.4	0.01
Miscellaneous Goods and Services	6.5	100.7	-0.5	-0.6

